

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HAK MERAYU PEMBAYAR CUKAI TERHADAP TAKSIRAN CUKAI YANG DIBANGKITKAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau HASiL sentiasa komited memberikan perkhidmatan yang terbaik terhadap pelanggannya bersesuaian dengan moto perkhidmatan HASiL, iaitu "perkhidmatan terbaik untuk anda". Sehubungan dengan itu, objektif HASiL untuk melaksanakan sistem pencucuaian yang berkesan, adil dan saksama turut memberikan ruang kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan sekali gus menyemak semula cukai yang telah dibangkitkan sama ada oleh HASiL atau ditaksir sendiri oleh pembayar cukai sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan cukai yang dikenakan. Walau bagaimanapun, rayuan yang dikemukakan masih tertakluk pada alasan, justifikasi yang dikemukakan dan peruntukan undang-undang percucuaian yang sedang berkuat kuasa.

Siapakah yang boleh membuat rayuan?

Rayuan boleh dibuat oleh semua kategori pembayar cukai sama ada individu mahupun syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi. Rayuan daripada pihak syarikat dan perkongsian liabiliti terhad hendaklah dibuat oleh orang yang diberi kuasa di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 untuk memasukkan rayuan tersebut bagi pihak syarikat dan perkongsian liabiliti terhad. Berhubung dengan rayuan perkongsian pula, hanya satu rayuan sahaja yang perlu dikemukakan jika isu pertikaian tersebut adalah sama bagi setiap ahli kongsi. Apa jua keputusan berhubung dengan rayuan yang dimasukkan itu adalah terpakai kepada semua ahli kongsi dalam perkongsian tersebut.

Bermula pada tahun taksiran 2019, jika taksiran dibangkitkan oleh HASiL terhadap syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi disebabkan oleh kegagalan mengemukakan Borang Nyata (BN), rayuan taksiran tersebut hendaklah dikemukakan bersama-sama BN berkenaan.

Bilakah rayuan cukai boleh dibuat?

Rayuan cukai boleh dibuat sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan taksiran yang dibuat berkaitan dengan situasi yang berikut:

- Pelepasan cukai tidak diberikan dengan sewajarnya.
- Terlupa untuk menuntut apa-apa bayaran dan perbelanjaan tertentu.
- Tidak berpuas hati dengan taksiran pendapatan oleh HASiL.

Rayuan dalam tempoh 30 hari

Sekiranya pembayar cukai tidak berpuas hati dengan taksiran yang dibangkitkan, rayuan boleh dibuat dalam tempoh 30 hari daripada tarikh Notis Taksiran

diterima daripada pihak HASiL. Rayuan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang Q yang boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal rasmi HASiL melalui pautan <https://www.hasil.gov.my>. Borang Q yang telah lengkap berserta dengan alasan yang kukuh hendaklah dikemukakan ke jabatan atau pejabat HASiL yang mengendalikan fail cukai pendapatan pembayar cukai tersebut.

Rayuan cukai boleh dibuat dengan menggunakan Borang Q yang perlu dimuat turun dan dicetak daripada portal rasmi HASiL.

Pembayar cukai perlu melengkapkan Borang Q dengan mengemukakan maklumat seperti tarikh, amaun cukai yang kena bayar berdasarkan Notis Taksiran yang dipertikaikan, alasan rayuan secara terperinci dan maklumat lain yang diperlukan. Pastikan alasan tersebut disertakan dengan bukti atau dokumen sebagai justifikasi rayuan seperti lejar akaun, invois jualan atau apa-apa sahaja dokumen yang berkaitan dengan isu yang dipertikaikan. Borang Q yang telah lengkap diisi perlu ditandatangani oleh pembayar cukai sendiri dan bukan mana-mana pihak yang mewakili pembayar cukai. Sekiranya Borang Q tidak lengkap, HASiL tidak akan memproses Borang Q tersebut dan akan mengembalikannya semula kepada pembayar cukai.

Bagaimanakah jika tempoh 30 hari tidak mencukupi?

Sekiranya terdapat kelewatan dalam memasukkan rayuan, pembayar cukai akan diberikan kesempatan untuk membuat permohonan lanjutan tempoh masa untuk membuat rayuan dengan mengemukakan permohonan lanjutan masa melalui Borang N yang boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal rasmi HASiL. Pembayar cukai perlu mengemukakan alasan dan justifikasi yang kukuh bagi permohonan lanjutan tempoh masa untuk membuat rayuan tersebut. Sekiranya permohonan lanjutan tempoh masa dibenarkan, pembayar cukai akan diarahkan untuk memasukkan permohonan melalui Borang Q dalam tempoh baharu yang ditetapkan.

CP 15-Pin. 12009)

MALAYSIA
CUKAI PENDAPATAN
(Borang yang ditetapkan di bawah seksyen 152 Akta Cukai Pendapatan 1967)

BORANG N

PERMOHONAN UNTUK LANJUTAN TEMPOH BAGI MEMBUAT RAYUAN KEPADA PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
(Seksyen 100(1) Akta Cukai Pendapatan 1967)

Kepada: _____
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Daripada: _____
No. Fail: _____

Saya memohon supaya dilanjutkan tempoh memberi notis rayuan terhadap:

i. taksiran / taksiran tambahan * bertarih _____ menunjukkan RM. _____ sebagai cukai yang kena dibayar bagi tahun taksiran _____
atau
ii. pemberitahuan tidak kena cukai bertarih _____ bagi tahun taksiran _____

yang notis mengenainya telah disampaikan kepada saya pada _____

Permohonan ini dibuat atas alasan-alasan berikut:

Pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan lanjutan masa melalui Borang N.

Semakan semula dalam tempoh 12 bulan

Semakan semula taksiran oleh HASiL berdasarkan rayuan yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penerimaan rayuan. Walau bagaimanapun, sekiranya perlu, lanjutan masa masih boleh diberikan oleh Menteri Kewangan dalam satu tempoh masa yang tidak melebihi enam bulan selepas tamatnya tempoh asal 12 bulan tersebut berdasarkan permohonan daripada pihak HASiL.

HASiL akan membuat semakan semula terhadap taksiran tersebut sama ada mungkin boleh dikurangkan atau tidak dikenakan cukai. Walau bagaimanapun, sebarang keputusan rayuan adalah tertakluk pada peruntukan undang-undang berkaitan.

Dalam tempoh semakan semula, sekiranya terdapat pertikaian berkaitan dengan pendirian HASiL terhadap pengiraan atau semasa mengisytiharkan pendapatan mahupun pelepasan yang memerlukan pembayar cukai memberikan penjelasan, pembayar cukai masih boleh memohon untuk mengadakan sesi perbincangan atau prosiding pendengaran berhubung dengan pertikaian tersebut bersama-sama pihak HASiL. Dalam prosiding tersebut, pembayar cukai dibenarkan mengemukakan asas dan justifikasi rayuan terhadap tujuan semakan semula oleh HASiL. Prosiding ini merupakan satu prosiding bebas bagi membuat penilaian semula keputusan HASiL. Sekiranya tiada persetujuan dicapai melalui prosiding tersebut, rayuan pembayar cukai akan dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan untuk diputuskan.


Rayuan terhadap taksiran sendiri (self-assessment)

Sekiranya pembayar cukai menyedari bahawa terdapat kesilapan dalam pemfailan Borang Nyata seperti keciciran tuntutan perbelanjaan yang layak dituntut, permohonan relif boleh dikemukakan sama ada melalui surat atau Borang CP15C dengan menyatakan alasan terperinci berkaitan dengan permohonan tersebut. Borang CP15C ini boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal rasmi HASiL. Sekiranya permohonan relif diluluskan, taksiran akan dipinda. Walau bagaimanapun, sekiranya permohonan relif tidak dapat dipertimbangkan oleh HASiL, pembayar masih boleh meminta agar permohonan relif dikemukakan kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan untuk diputuskan.

Kesimpulan

Hak yang diberikan kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan terhadap taksiran yang telah dibangkitkan menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai sistem pencucuaian yang adil dan saksama. Hal ini sudah pasti memberikan kesan yang positif kepada pembayar cukai agar sentiasa patuh untuk membayar cukai sebagai sumbangan kepada pembangunan negara. HASiL sentiasa menghargai kerjasama yang diberikan oleh pembayar cukai yang dilihat mampu menguntungkan kedua-dua pihak. Penerangan lanjut berhubung rayuan cukai ini bolehlah dirujuk dalam Ketetapan Umum No.7/2020 melalui portal rasmi HASiL

www.hasil.gov.my > Perundangan > Ketetapan Umum.



Sumber: Poster LHDNM

KUIZ

TEMA – HAK MERAYU TERHADAP TAKSIRAN CUKAI

1. M I S T S E E U A A I N K C R P

HASiL sentiasa komited memberikan perkhidmatan yang terbaik dengan melaksanakan _____ yang berkesan, adil dan saksama serta memberikan ruang kepada pembayar cukai untuk membuat rayuan sekiranya mereka tidak berpuas hati dengan cukai yang dikenakan.

2. I A A N D N P A I A N R S K T U I A K C

Rayuan _____ tertakluk pada alasan dan justifikasi yang dikemukakan serta mematuhi peruntukan undang-undang percucuaian yang sedang berkuat kuasa.

3. E O I A N S G N K R P I A I I I T L B L H E A R T D

Rayuan boleh dibuat oleh semua kategori pembayar cukai sama ada individu mahupun syarikat, _____, badan amanah atau koperasi.

4. O I S T N N A S K R T I A

Pembayar cukai boleh membuat rayuan dalam tempoh 30 hari dari tarikh _____ diterima dengan mengemukakan Borang Q yang lengkap berserta dengan alasan yang kukuh dan dikemukakan ke jabatan atau pejabat HASiL.

5. E A U A N T J N L P E O H P M T A A M S

Sekiranya taksiran telah melebihi tempoh 30 hari, pembayar cukai boleh membuat rayuan dengan mengemukakan permohonan _____ melalui Borang N yang boleh dimuat turun dan dicetak melalui portal rasmi HASiL.

6.

2	1

U	A	N	L	B

Semakan semula taksiran oleh HASiL berdasarkan rayuan yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah dalam tempoh _____ dari tarikh penerimaan rayuan.

7.

O	I	I	G	N	D	S	R	P

E	E	R	A	N	A	G	N	D	N	P

Dalam tempoh semakan semula taksiran cukai, sekiranya terdapat pertikaian berhubung dengan taksiran cukai yang dibangkitkan, pembayar cukai boleh memohon untuk diadakan satu sesi perbincangan atau _____ berhubung dengan pertikaian tersebut bersama-sama pihak HASiL.

8.

A	E	L	P	S	N	A	E	P

I	C	K	A	U

Rayuan cukai boleh dibuat sekiranya pembayar cukai terlupa untuk menuntut _____, apa-apa bayaran dan perbelanjaan tertentu.

9.

O	A	N	G	R	B

C	C	P	5	1

Bagi rayuan terhadap taksiran sendiri, pembayar cukai boleh membuat permohonan relif dengan mengemukakan surat atau _____.

10.

E	A	U	A	N	H	T	P	M

K	I	U	C	A

Hak untuk membuat rayuan terhadap taksiran yang telah dibangkitkan adalah bukti Malaysia mempunyai sistem pencukaian yang adil dan saksama, secara tidak langsung dapat memberikan kesan yang positif dalam memastikan _____ secara sukarela.

PERATURAN

- Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak dilayan.
- Tekaan hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Julai 2023**. Jawapan yang diterima lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
- Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah : No. Telefon :

..... Nama Bank :

..... No. Akaun Bank : (Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

Jawapan Kuiz Tema: Ekonomi Bayangan

- | | |
|------------------------|--------------------------------|
| 1. PELARIAN CUKAI | 6. PIHAK BERKUASA TEMPATAN |
| 2. EKONOMI BAWAH TANAH | 7. PEMERDAGANGAN MANUSIA |
| 3. KEHILANGAN HASIL | 8. PEMATUHAN CUKAI |
| 4. SINDIKET JENAYAH | 9. PENDAPATAN TIDAK DILAPORKAN |
| 5. PENGUATKUASAAN | 10. KETIRISAN CUKAI |

